



Jangkaan ekonomi lebih baik tahun ini

Oleh Muhammad Yusri Muzamir - Februari 4, 2023 @ 11:45am
yusri.muzamir@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Pertumbuhan ekonomi negara diunjur di antara tiga hingga empat peratus tahun ini.

Pakar ekonomi yang juga bekas Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Tan Sri Dr Noor Azlan Ghazali, berkata unjuran itu berpandukan jangkaan pertumbuhan ekonomi dunia tahun ini kadar 2.9 peratus, meningkat daripada unjuran terdahulu iaitu 2.7 peratus.

Selain itu, katanya, 2023 dijangka menyaksikan tahap terendah dengan pertumbuhan pada tahun hadapan dianggar meningkat pada kadar 3.1 peratus, namun masih rendah berbanding purata pertumbuhan tahunan 2000 hingga 2019, iaitu 3.8 peratus.

"Kelonggaran pergerakan China, kadar inflasi lebih terkawal, pasaran buruh Amerika Syarikat (AS) masih kukuh dan kesan kekangan sumber tenaga Eropah tidak seteruk dijangka, menyumbang kepada unjuran baharu yang lebih baik.

"Justeru, sudahkah kita mempunyai strategi jelas untuk meraih peluang daripada pertumbuhan global dijangka lebih baik?"

"Sudahkah kita mempunyai tindakan khusus bagi menangani masalah domestik, khususnya cabaran struktural yang sekian lama mengekang kita dari melonjak pantas?" katanya di media sosial.

Dalam pada itu, Noor Azlan berkata, tekanan kos sara hidup hanya boleh diredakan dengan pertumbuhan ekonomi mampan dan memanfaatkan setiap lapisan masyarakat dengan memberi peluang terbaik bagi pembabitian semua pihak, selain meraih manfaat pertumbuhan secara hakiki.

Bagaimanapun, beliau berkata, tindakan 'kecil' ketika ini hanyalah tempelan sementara dan mungkin memberi keredaan sementara, sebaliknya bukan penyelesaian.

"Mampukah Malaysia meyakinkan pelabur dalam negara dan antarabangsa untuk menjadikan Malaysia sebagai 'lokasi pelaburan terpilih' mereka?"

"Adakah Malaysia mempunyai ciri diperlukan untuk menjadi destinasi terpilih? Apa kekuatan kita? Apa keutamaan kita? Apa kesediaan kita? Malaysia jangan berleengah. Kita mesti secara bersama komited menjayakan ekonomi kita," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, semua pihak, termasuk kerajaan, industri dan orang ramai perlu menggembeleng tenaga untuk menjayakan misi berkenaan.

Katanya, Malaysia perlu kembali sebagai negara hebat, berdaya saing dan berdaya tahan dengan kejayaan itu bakal memanfaatkan semua lapisan masyarakat, wilayah dan kelas pendapatan.

"Kerajaan sudah ditubuhkan. Cukuplah kita membuang masa dengan pertelagahan yang hanya merugikan semua. Hampir lima tahun kita membazir masa.

"Negara saingan kita berlari pantas. Kita tidak boleh ketinggalan. Semakin lewat kita bertindak, semakin jauh kita ketinggalan. Jangan nanti kita menyesal kemudian.

"Saya mengajak semua. Kita boleh jelmakan semula Malaysia hebat. Saya merindui Malaysia yang rakyatnya hidup selesa, saling menghormati, harmoni dan negaranya dihormati dunia. Ayuh Malaysia," katanya.